

# Badan kehakiman bebas tegak keadilan tanpa takut

## Anwar jamin kedaulatan sistem perundangan jadi keutamaan kerajaan

Oleh Mahani Ishak  
mahani@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kedaulatan sistem perundangan negara ini menjadi keutamaan kerajaan yang turut komited memastikan badan kehakiman bebas dalam menegakkan dan mentadbir keadilan tanpa rasa takut atau pilih kasih, tegas Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, kebebasan kehakiman tetap tertakluk di bawah doktrin pengasingan kuasa, iaitu prinsip yang termaktub di bawah *grund norm* atau struktur asas Perlembagaan Persekutuan.

“Pada masa lalu, sejarah menyaksikan bagaimana prinsip suci itu dicabuli kuasa yang ada

berikutan ada pihak tidak jujur menyalahgunakan kedudukan mereka memesongkan keadilan bagi mencapai tujuan politik yang jahat dan keji.

“Tetapi izinkan saya dengan tegas mengisytiharkan cukuplah perkara itu dan era itu sudah berlalu dan kita tidak akan membenarkan penyalahgunaan dan pencabulan undang-undang seperti itu berulang lagi,” katanya ketika berucap merasmikan Persidangan LAWASIA ke-37 di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said; Ketua Hakim Negara, Tun Tengku Maimun Tuan Mat; Presiden LAWASIA (India), Shyam Divan; Presiden Majlis Peguam Malaysia, Mohamad Ezri Abdul Wahab dan Presiden Mahkamah Rayuan, Tan Sri Abang Iskandar Abang Hashim.

Pada masa sama, Anwar yang juga Menteri Kewangan, berkata undang-undang negara harus teguh dan fleksibel serta mampu melindungi hak individu di samping menggalakkan kreativiti dan inovasi.

Justeru katanya, perlu mewujudkan keseimbangan antara hak peribadi di pihaknya dengan kepentingan awam dan masyarakat di pihak lain.

“Sistem perundangan itu terlalu ‘rigid’ atau penghakiman yang dibuat tanpa pertimbangan sewajarnya memberi kesan terhadap dasar awam yang bukan sahaja akan menyekat kemajuan, tetapi juga berisiko menghakis kepercayaan awam dan menyebabkan ketidakadilan.

“Sebagai perbandingan, dalam bidang kuasa lain seperti undang-undang syariah, doktrin istihsan atau kesaksamaan, membenarkan budi bicara kehakiman apabila keadilan dapat ditegakkan.

“Bagi memastikan gesaan ini, saya tidak akan membenarkan kekacauan dan ketidakpastian untuk memerintah, sebaliknya mencapai keseimbangan tepat yang penting dalam memastikan sistem kehakiman dan undang-undang kita kekal dinamik dan teguh,” katanya.

Dalam pada itu, Anwar berkata, reformasi kehakiman dan undang-undang juga mesti berkembang seiring kemajuan ne-

gara dengan perubahan zaman untuk memastikan pembangunan dan kemajuan yang bertepatan.

### Usah tunduk desakan

Beliau berkata, pengamal undang-undang tidak seharusnya dikawal oleh pandangan dan tuntutan golongan elit dan juga tidak harus tunduk kepada pengaruh kumpulan pendesak yang melayani kepentingan golongan berada dan berkuasa.

“Golongan profesional undang-undang memainkan peranan penting dalam evolusi ini, bekerjasama rapat dengan penggubal dasar dan pihak berkepentingan untuk mereka bentuk rangka kerja yang menggalakkan inovasi sambil menjaga keadilan dan kesaksamaan.

“Landskap yang berubah ini juga memerlukan kita memikirkan semula sama ada undang-undang kita mencukupi untuk melindungi privasi, keselamatan dan kepercayaan awam dan yang lebih penting, sama ada keputusan kehakiman boleh memberi manfaat kepada kepentingan negara dalam jangka masa panjang,” katanya.